

Syarikat gergasi digesa keluarkan barangan secara usahasama

PETALING JAVA 5 Ogos — Perdana Menteri, Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad hari ini meminta syarikat -- syarikat gergasi di negara ini melangkah setapak lagi ke hadapan dengan mengadakan usahasama dalam pengeluaran barangan berteknologi tinggi.

Beliau menegaskan, usahasama pengeluaran barangan atas dasar yang dipanggil 'perkahwinan korporat' adalah strategi yang paling sesuai dan tepat dalam pasaran dunia yang semakin membesar.

"Kerajaan akan terus memberi sokongan positif kepada projek-projek seperti ini kerana ia menyumbang kepada peningkatan teknologi di kalangan pekerja tempatan," katanya semasa berucap melancarkan ulangtahun ke-100 kumpulan Philips di sini.

Selain itu, tambahnya, pengeluaran barang-barang yang bernilai tinggi juga memberi input teknologi yang terbaru kepada negara ini.

Beliau merujuk, pengeluaran atas dasar 'perkahwinan korporat' adalah merupakan sebahagian daripada strategi 'globalisation' yang kini giat dipraktikkan oleh syarikat-syarikat 'multinationals'.

Sebagai contoh, katanya, usahasama Syarikat Philips Malaysia dengan syarikat JVC dari Jepun bagi mengeluarkan alat perakam video dan 'printed circuit board assemblies' adalah satu perkembangan yang perlu digalakkan.

"Saya rasa keputusan untuk menempatkan projek ini di Shah Alam mencerminkan keyakinan penuh kedua-dua belah pihak kepada masa depan negara ini," tambahnya.

Beliau memberi jaminan bahawa kerajaan akan terus melaksanakan dasar-dasar yang mendorong lebih banyak lagi pelaburan asing dalam dekad 90-an ini.

"Kita harap dengan cara ini kita akan terus mewujudkan suasana pelaburan yang baik serta mendorong lebih banyak lagi penanaman modal oleh pelabur-pelabur asing serta tempatan.

"Malaysia telah dapat maju ke tahap yang diduduki sekarang kerana dasar-dasarnya adalah konsisten dan ekonominya merupakan antara yang terbuka di dunia," kata Dato' Sri Dr. Mahathir.

Menurutnya, melalui dasar yang konsisten itu, ekonomi Malaysia kini telah diintegrasikan

dengan ekonomi negara-negara lain secara menyeluruh dan kesan itu memesatkan lagi kemajuan ekonomi negara.

Perdana Menteri menambah, Malaysia tidak akan dapat dibangunkan ke tahap negara maju jika ia bergantung semata-mata kepada sumber asli.

"Hanya perindustrian saja yang boleh menjadikan sebuah negara itu negara maju, malah sektor pembuatan merupakan satu-satunya sektor yang membawa negara ke arah kejayaan dan kemakmuran yang lebih tinggi," ujar beliau.

Oleh itu, katanya, kerajaan menetapkan sektor pembuatan perlu memainkan penman yang lebih besar lagi dalam jangka masa sepuluh tahun akan datang supaya matlamat pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) mencapai kadar tujuh peratus setahun.

Beliau berkata, industri elektronik merupakan salah satu sub-sektor yang penting dalam sektor pembuatan di negara ini dan ia juga merupakan penyumbang utama kepada eko-

nomi Malaysia.

"Ini dapat dilihat daripada jumlah nilai pengeluaran industri elektronik pada tahun 1990 yang mencapai \$20.3 ribu juta serta menyediakan pekerjaan kepada 144,000 pekerja iaitu 12 peratus daripada jumlah pekerja dalam sektor pembuatan," katanya.

Beliau menarik perhatian bahawa bilangan projek-projek yang diluluskan juga menunjukkan peningkatan dari setahun ke setahun.

Mengenai komitmen kerajaan terhadap penyediaan infrastruktur yang cukup, Perdana Menteri berkata, sektor-sektor pengangkutan dan komunikasi diberi peruntukan yang terbesar dalam Rancangan Malaysia Keenam (RM6) iaitu sebanyak \$10.8 ribu juta atau 19.6 peratus daripada peruntukan keseluruhan.

Bagi tenaga elektrik dan telekomunikasi, katanya, lebih \$20 ribu juta akan dibelanjakan oleh Tenaga Nasional Berhad dan Telekom Malaysia Berhad untuk meningkatkan lagi perkhidmatan masing-masing.